

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, September 4, 2019 2:28 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Ibu Bapa Dan Waris Dapat Gambaran Tentang UUM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

04 SEPTEMBER 2019 / 04 MUHARAM 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

IBU BAPA DAN WARIS DAPAT GAMBARAN TENTANG UUM



UUM ONLINE: Majlis Taklimat Bersama Waris Sempena Minggu Suaikenal Pelajar Baharu Semester Pertama Sesi 2019/2020 memberi gambaran kepada ibu bapa dan waris tentang kampus yang bakal menjadi dunia baru anak-anak mereka.

Berucap pada majlis tersebut, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan kedatangan ibu bapa, waris dan pelajar yang menjadi sebahagian daripada warga UUM.

Beliau berkongsi visi, misi universiti selain memperkenalkan barisan tertinggi yang terdiri daripada Canselor, Pro Canselor, Naib Canselor dan pegawai kanan universiti.

Majlis ini memberi pendedahan kepada waris pelajar baharu untuk mengenali UUM dengan lebih mendalam dari segi akademik, kokurikulum, kemudahan yang disediakan, peraturan universiti, pencapaian dan perkembangan semasa.

“UUM merupakan universiti awam pertama menggunakan aplikasi kiplePay bagi melaksanakan perkhidmatan transaksi tanpa tunai (*cashless*) di seluruh kampus.

“Sebagai tanda keprihatinan, UUM juga melancarkan program *FoodBank* dan *On-CampusJobs* bagi mengelak pelajar ‘ikat perut’ sepanjang tempoh pengajian mereka,” ujarnya di Dewan Mu’adzam Shah, semalam.

Selain itu katanya, Beta Gamma Sigma (BGS) Chapter UUM tersenarai sebagai Highest Honor Chapter 2019 dalam laman sesawang BGS International selain pernah tersenarai dalam Highest Honor Chapter 17-18.

Dalam pada itu, beliau menyeru pelajar yang mempunyai sebarang masalah untuk tampil memaklumkan kepada pihak universiti yang sentiasa bersedia membantu pelajar.

Pada akhir majlis, ibu bapa dan waris turut berkesempatan untuk mengikuti sesi soal jawab bagi merungkai persoalan tentang UUM dan pelajar.

Hadir sama, Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti, Dekan Pusat Pengajian, Pegawai Kanan Universiti, Majlis Perwakilan Pelajar dan Sekretariat.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.